



20 April 2023
20 April 2023
P.U. (A) 133

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) 2023

CUSTOMS (AMENDMENT) REGULATIONS 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) 2023.**

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Pindaan peraturan 7

2. Peraturan-Peraturan Kastam 2019 [P.U. (A) 397/2019], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 7(1) dengan menggantikan perkataan “Borang Kastam No. 10 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan peraturan 8

3. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang Kastam No. 11 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan peraturan 9

4. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Nakhoda atau ejen tiap-tiap kapal, atau juruterbang atau ejen tiap-tiap pesawat udara termasuk pengangkut barang, yang tiba di atau berlepas dari mana-mana pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam hendaklah—

- (a) dalam hal barang yang diimport atau hendak dieksport, mengemukakan manifes masuk atau keluar, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
- (b) dalam hal barang untuk pindah kapal, mengemukakan manifes pindah kapal dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.”.

Pemotongan peraturan 11

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 11.

Pindaan peraturan 12

6. Subperaturan 12(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkatan “Borang Kastam No. 3 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “suatu akuan dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pemotongan peraturan 13

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 13.

Pemotongan peraturan 14

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 14.

Pemotongan peraturan 15

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 15.

Pindaan peraturan 16

10. Peraturan 16 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang Kastam No. 2 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan peraturan 17

11. Subperaturan 17(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang Kastam No. 8 dalam Jadual Ketiga” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Penggantian peraturan 19

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 19 dengan peraturan yang berikut:

“19. Pemunya, ejen, pengangkut berlesen atau mana-mana orang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 35G Akta untuk memindahkan barang-barang dalam transit dan pindah kapal melalui kawasan utama kastam—

- (a) ke tempat lain di luar kawasan utama kastam melalui darat dari suatu zon bebas atau suatu tempat di luar Malaysia;
- (b) ke tempat lain di luar kawasan utama kastam melalui laut dari suatu tempat di luar Malaysia atau suatu tempat di luar kawasan utama kastam; atau
- (c) dari suatu negara lain ke suatu negara lain;

hendaklah mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak suatu akuan dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.”.

Pindaan peraturan 20

13. Peraturan 20 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “atau ejennya” dengan perkataan „, ejennya, pengangkut berlesen atau mana-mana orang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 35G Akta”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan “Borang Kastam No. 2 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan peraturan 21

14. Subperaturan 21(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang Kastam No. 8 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan peraturan 22

15. Subperaturan 22(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “the the importer’s agent” dengan perkataan “the importer’s agent”.

Pindaan peraturan 23

16. Peraturan 23 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “the the importer’s agent” dengan perkataan “the importer’s agent”; dan
- (b) dalam subperenggan (a)(i), dengan memotong perkataan “borang”.

Pindaan peraturan 26

17. Peraturan 26 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Borang JKDM No. 1 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”; dan
- (b) dalam subperaturan (4), dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “incuding” dengan perkataan “including”.

Pindaan peraturan 28

18. Subperaturan 28(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang JKDM No. 3 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan peraturan 34

19. Subperaturan 34(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “Borang Kastam No. 1 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “suatu akuan dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Borang Kastam No. 9 dalam Jadual Ketiga” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “suatu akuan dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan peraturan 43

20. Subperaturan 43(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang Kastam No. 12 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan peraturan 46

21. Subperaturan 46(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang JDA No. 1 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan peraturan 47

22. Subperaturan 47(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang JDA No. 2 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan peraturan 48

23. Subperaturan 48(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang JDA No. 3 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Penggantian peraturan 51

24. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 51 dengan peraturan yang berikut:

“Anggapan mengenai barang yang terkandung dalam peti, dsb.

51. Bagi maksud membayar duti kastam, tiap-tiap peti, tong, bekas atau bungkusan yang mengandungi barang berduti hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan—

- (a) sebagai mengandungi barang yang kuantitinya tidak kurang daripada yang terkandung dalam peti, tong, bekas atau bungkusan yang seumpamanya dalam penjalanan biasa perniagaan, melainkan jika pemunya peti, tong, bekas atau bungkusan itu atau ejennya, dalam masa dua puluh empat jam atau apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh pegawai kastam yang hak selepas barang berduti itu sampai di gudang kastam atau di gudang berlesen di mana barang itu disimpan mengikut seksyen 66 Akta, membuat suatu permohonan bertulis bagi pemeriksaan;
- (b) sebagai mengandungi bahan atau kandungan sebagaimana yang dinyatakan pada label peti, tong, bekas atau bungkusan itu; atau
- (c) untuk digunakan bagi tujuan sebagaimana yang dinyatakan dalam label atau tanda pada peti, tong, bekas atau bungkusan itu.”.

Pindaan peraturan 54

25. Peraturan 54 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Apabila pemunya barang berduti berhasrat untuk memindahkan barang berduti sepenuhnya atau sebahagiannya dari kawalan kastam untuk penggunaan tempatan, pemunya itu atau ejennya hendaklah—

(a) mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak suatu akuan dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;

(b) mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak resit deposit yang dikeluarkan di bawah subseksyen 67(1) Akta; dan

(c) membayar duti kastam dan semua caj yang ditaksirkan atas barang yang hendak dipindahkan itu.”; dan

(b) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “perenggan (1)(d)” dengan perkataan “perenggan (1)(c)”.

Pindaan peraturan 55

26. Peraturan 55 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “membuat akuan dalam Borang Kastam No. 7 dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “mengemukakan suatu akuan dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”;

- (ii) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan itu perkataan “dan”;
 - (iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “; dan” dengan noktah;
 - (iv) dengan memotong perenggan (c); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan berikut:
- “(3) Apabila mengemukakan akuan yang dibuat di bawah subperaturan (1), pengembala atau orang lain yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah membayar duti kastam yang ditaksirkan, jika ada”.

Penggantian peraturan 56

27. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 56 dengan peraturan yang berikut:

“Pulang balik berhubungan dengan pengeksportan dan pengeksportan semula

56. Jika pulang balik di bawah seksyen 93 Akta adalah berhubungan dengan pengeksportan dan pengeksportan semula rokok, rokok itu hendaklah dieksport atau dieksport semula melalui laut atau udara dari zon bebas.”.

Pemotongan peraturan 57

28. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 57.

Pemotongan Jadual Ketiga

29. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Ketiga.

Dibuat 18 April 2023

[MOF.TAX(R)7002/2/30; SULIT.KE.HD(122)860/02Klt.5(6); PN(PU2)337/JLD.27]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (AMENDMENT) REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by section 142 of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Customs (Amendment) Regulations 2023**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 1 January 2023.

Amendment of regulation 7

2. The Customs Regulations 2019 [P.U. (A) 397/2019], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in subregulation 7(1) by substituting for the words “Form Customs No. 10 in the Third Schedule” the words “the form and manner as determined by the Director General”.

Amendment of regulation 8

3. Regulation 8 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Form Customs No. 11 in the Third Schedule” the words “the form and manner as determined by the Director General”.

Amendment of regulation 9

4. Regulation 9 of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) A master or agent of every vessel, or a pilot or agent of every aircraft including freight forwarders, arriving at or departing from any customs port or customs airport shall—

- (a) in the case of goods imported or to be exported, submit an inward or outward manifest, as the case may be, in the form and manner as determined by the Director General; and
- (b) in the case of goods for transhipment, submit a transhipment manifest in the form and manner as determined by the Director General.”.

Deletion of regulation 11

5. The principal Regulations are amended by deleting regulation 11.

Amendment of regulation 12

6. Subregulation 12(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Form Customs No. 3 in the Third Schedule” the words “a declaration in the form and manner as determined by the Director General”.

Deletion of regulation 13

7. The principal Regulations are amended by deleting regulation 13.

Deletion of regulation 14

8. The principal Regulations are amended by deleting regulation 14.

Deletion of regulation 15

9. The principal Regulations are amended by deleting regulation 15.

Amendment of regulation 16

10. Regulation 16 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Form Customs No. 2 in the Third Schedule” the words “the form and manner as determined by the Director General”.

Amendment of regulation 17

11. Subregulation 17(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Form Customs No. 8 in the Third Schedule” wherever appearing the words “the form and manner as determined by the Director General”.

Substitution of regulation 19

12. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 19 the following regulation:

“19. The owner, agent, licensed carrier or any person approved by the Director General under section 35G of the Act to move goods in transit and transhipment through the principal customs area—

(a) to another place outside the principal customs area by land from a free zone or a place outside Malaysia;

(b) to another place outside the principal customs area by sea from a place outside Malaysia or a place outside the principal customs area; or

(c) from another country to another country;

shall submit to the proper officer of customs a declaration in the form and manner as determined by the Director General.”.

Amendment of regulation 20

13. Regulation 20 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for the words “or his agent” the words “, his agent, a licensed carrier or any person approved by the Director General under section 35G of the Act”; and

- (b) by substituting for the words “Form Customs No. 2 in the Third Schedule” the words “the form and manner as determined by the Director General”.

Amendment of regulation 21

14. Subregulation 21(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Form Customs No. 8 in the Third Schedule” the words “the form and manner as determined by the Director General”.

Amendment of regulation 22

15. Subregulation 22(1) of the principal Regulations is amended in the English language text by substituting for the words “the the importer’s agent” the words “the importer’s agent”.

Amendment of regulation 23

16. Regulation 23 of the principal Regulations is amended—

- (a) in the English language text, by substituting for the words “the the importer’s agent” the words “the importer’s agent”; and
- (b) in subparagraph (a)(i), by deleting the word “form”.

Amendment of regulation 26

17. Regulation 26 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (2), by substituting for the words “Form JKDM No. 1 in the Third Schedule” the words “the form and manner as determined by the Director General”; and
- (b) in subregulation (4), in the English language text, by substituting for the word “incuding” the word “including”.

Amendment of regulation 28

18. Subregulation 28(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Form JKDM No. 3 in the Third Schedule” the words “the form and manner as determined by the Director General”.

Amendment of regulation 34

19. Subregulation 34(1) of the principal Regulations is amended—

- (a) in paragraph (a), by substituting for the words “Form Customs No. 1 in the Third Schedule” the words “a declaration in the form and manner as determined by the Director General”; and
- (b) by substituting for the words “Form Customs No. 9 in the Third Schedule” wherever appearing the words “a declaration in the form and manner as determined by the Director General”.

Amendment of regulation 43

20. Subregulation 43(2) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Form Customs No. 12 in the Third Schedule” the words “the form and manner as determined by the Director General”.

Amendment of regulation 46

21. Subregulation 46(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Form JDA No. 1 in the Third Schedule” the words “the form and manner as determined by the Director General”.

Amendment of regulation 47

22. Subregulation 47(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Form JDA No. 2 in the Third Schedule” the words “the form and manner as determined by the Director General”.

Amendment of regulation 48

23. Subregulation 48(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Form JDA No. 3 in the Third Schedule” the words “the form and manner as determined by the Director General”.

Substitution of regulation 51

24. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 51 the following regulation:

“Presumption as to goods contained in cases, etc.

51. For the purpose of paying customs duties, every case, cask, receptacle or package containing dutiable goods shall, unless proven otherwise, be deemed—

- (a) to contain no less a quantity of goods than is contained in similar cases, casks, receptacles or packages in the ordinary course of business, unless the owner of the cases, casks, receptacles or packages or his agent, within twenty-four hours or such further period as the proper officer of customs may allow after the arrival of the dutiable goods in the customs warehouse or licensed warehouse wherein they are deposited in accordance with section 66 of the Act, makes a written application for survey;
- (b) to contain material or ingredient as stated in the label of the cases, casks, receptacles or packages; or
- (c) to be used for the purposes as stated in the label or mark on the cases, casks, receptacles or packages.”.

Amendment of regulation 54

25. Regulation 54 of the principal Regulations is amended—

- (a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) Whenever any owner of dutiable goods desires to remove the dutiable goods wholly or partly from customs control for home consumption, the owner or his agent shall—

- (a) submit to the proper officer of customs a declaration in the form and manner as determined by the Director General;
 - (b) produce to the proper officer of customs the deposit receipt issued under subsection 67(1) of the Act; and
 - (c) pay the customs duty and all charges assessed on the goods to be removed.”; and
- (b) in subregulation (3), by substituting for the words “paragraph (1)(d)” the words “paragraph (1)(c)”.

Amendment of regulation 55

26. Regulation 55 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1)—
 - (i) by substituting for the words “declare in Form Customs No. 7 in the Third Schedule” the words “submit a declaration in the form and manner as determined by the Director General”;
 - (ii) in paragraph (a), by inserting after the semi colon at the end of the paragraph the word “and”;
 - (iii) in paragraph (b), by substituting for the words “; and” a fullstop;
 - (iv) by deleting paragraph (c); and

(b) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) Upon submitting the declaration made under subregulation (1), the traveller or other person referred to in subregulation (1) shall pay the customs duty assessed, if any”.

Substitution of regulation 56

27. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 56 the following regulation:

“Drawback in relation to exportation and re-exportation

56. Where the drawback under section 93 of the Act is in relation to exportation and re-exportation of cigarettes, that cigarettes shall be exported or re-exported by sea or air from free zones.”.

Deletion of regulation 57

28. The principal Regulations are amended by deleting regulation 57.

Deletion of Third Schedule

29. The principal Regulations are amended by deleting the Third Schedule.

Made 18 April 2023

[MOF.TAX(R)7002/2/30; SULIT.KE.HD(122)860/02Klt.5(6); PN(PU2)337/JLD.27]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance